# الوحدة الثانية : أحوال الإسناد الخبري والمجاز العقلي

## UNIT KEDUA: KEADAAN2 ISNAD KHOBARI & MAJAZ 'AQLI

## الدرس الأول : أحوال الإسناد الخبري

## PELAJARAN PERTAMA: KEADAAN2 ISNAD KHOBARI

| | |
|---|---|
| 1. **TAKRIF ISNAD (SANDARAN)**<br>- Menggabungkan satu perkataan kepada yang lain dalam bentuk yang boleh memberi faedah kepada gabungan ini dan membawa makna yang lengkap.<br><br>Isnad terbahagi kepada **2 jenis**:<br>**Pertama**: **Isnad Ismi**<br>**Kedua**: **Isnad Fi'li** | **١. تعريف الإسناد**<br>– ضم كلمة إلى أخرى على نحو يفيد هذا الضم معنى يحسن السكوت عليه.<br><br>ينقسم الإسناد إلى **نوعين اثنين**:<br>**أولا: إسناد اسمي** : المبتدأ + الخبر – العلم نافع.<br>**ثانيا: إسناد فعلي** : الفعل + الفاعل – شرح الأستاذ الدرس. |
| 2. **MAKNA/TAKRIF KHOBAR**<br>- Merupakan kata-kata yang membawa kebenaran dan kedustaan.<br><br>Khabar benar bermaksud: bertepatan berita dengan realiti.<br>Khabar dusta bermaksud: tidak bertepatan berita dengan realiti. | **٢. معنى الخبر**<br>– هو قول يحتمل الصدق والكذب لذاته.<br><br>المراد بالخبر الصادق: مطابقة حكمه للواقع.<br>والمراد بالخبر الكاذب: عدم مطابقة حكمه لهذا الواقع. |

| | |
|---|---|
| **3. TUJUAN KHOBAR**<br>- Terbahagi kepada **2 jenis**:<br>1) Tujuan Khobar Asliyyah<br>2) Tujuan Khobar Far'iyyah | **٣. أغراض الخبر**<br>- تنقسم إلى **قسمَين**:<br>١) أغراض الخبر الأصلية<br>٢) أغراض الخبر الفرعية |
| **4. PERTAMA: TUJUAN KHOBAR ASLIYYAH**<br>- Khobar mempunyai 2 tujuan asal:<br><br>**Tujuan Pertama: Faidatul Khobar**<br>Kaedah/Prinsip Faidatul Khobar:<br>- Memberitahu audien tentang suatu berita yang belum diketahui.<br>- Contohnya: (Agama itu pergaulan). Maka Nabi telah memberitahu kita sebuah hadis yang belum kita ketahui sebelum ini. Iaitu: bahawa mutakallim (pembicara) memberitahu mukhotob (audien) berita yang tidak pernah diketahui sebelumnya.<br>- Atau dengan ungkapan lain, setiap maklumat yang diberitahu oleh pembicara kepada audien, dan perkara itu tidak diketahui oleh audien sebelumnya, maka ia dinamakan Faidatul Khobar. | **٤. أولًا: أغراض الخبر الأصلية**<br>- للخبر غرضان أصليان:<br>**الغرض الأول : فائدة الخبر**<br>وضابط فائدة الخبر:<br>- هو إفادة المتكلم المخاطبَ الحكم الذي تضمنته الجملة، وذلك إذا كان المخاطب جاهلً بمضمونها.<br>- مثل : ((الدِّينُ الْمُعَامَلَةُ)) فقد أفادَنا النبي بهذا الحديث فائدة كنا نجهلها قبل أن يذكر هذا الخبر .أي :أن المتكلم أفاد المخاطب حكمًا لم يكن على علم به من قبل.<br>- أو بعبارة أخرى كل معلومة يستفيدها المخاطب من المتكلم، ولم يكن على علم بها من قبل، فهذا يسمى فائدة الخبر. |

| | |
|---|---|
| **Tujuan Kedua: Lazim Faidatul Khobar**<br>Kaedah/Prinsip Lazim Faidatul Khobar:<br>- Audien mengetahui berita, akan tetapi dia tidak mengetahui bahawa pembicara mengetahuinya juga. Tujuan pembicara menyampaikan berita itu adalah untuk memberitahu audien bahawa dia mengetahui topik itu. Sebagai contoh: Audien menyembunyikan berita kejayaannya, maka pembicara berkata padanya: (Kamu telah berjaya dalam peperiksaan), maka audien tahu bahawa pembicara turut mengetahuinya. Maka yang dimaksudkan oleh pembicara pada waktu itu (Lazim Faidah) iaitu: Untuk memaklumkan kepada audien bahawa dia mengetahui berita itu. | **الغرض الثاني : لازم فائدة الخبر**<br>وضابط لازم فائدة الخبر:<br>- أن يكون المخاطب على علم بمضمون الخبر، ولكنه لا يعلم أن المتكلمَ يعلمه، وغرض المتكلم بكلامه عندئذ أن يُعْلِم المخاطب أنه يعلم هذا الموضوع، كأن يكون المخاطبُ يُخفي خبر نجاحه فتقول له : ((أنتَ نجحت في الامتحان))، فتعلمه بذلك أنك تعلم، فيكون مراد المتكلم عندئذ (لازم الفائدة) أي :إعلام المخاطب أنه يعلم الخبر. |
| **5. KEDUA: TUJUAN KHOBAR FAR'IYYAH**<br><br>1. Memohon belas kasihan<br><br>2. Menunjukkan kelemahan dan penyerahan diri (penundukan)<br><br>3. Menunjukkan kegembiraan dengan perkara yang akan datang | **٥. ثانيًا: أغراض الخبر الفرعية**<br>١. الاسترحام والاستعطاف<br><br>٢. إظهار الضعف والخضوع<br><br>٣. إظهار الفرح بمقبل |

| | |
|---|---|
| 4. Menggerakkan keazaman kpd apa yg lazim menjadi penghasilannya | ٤. تحريك الهمة إلى ما يلزم تحصيله |
| 5. Memberi nasihat dan peringatan | ٥. الوعظ والتذكير |
| 6. Menghina, mempersenda dan mengejek | ٦. التحقير والتهكم والاستهزاء |
| 7. Teguran yang lembut | ٧. العتاب |
| 8. Leteran/Celaan | ٨. التوبيخ |
| 9. Ancaman dan ugutan | ٩. الوعيد والتهديد |
| 10. Menggertak dan mengugut | ١٠. التهويل والتفظيع |
| 11. Menunjukkan penyesalan dan kesedihan | ١١. إظهار التحسر والحزن |

| | |
|---|---|
| **6. ADHRUBUL KHOBAR (PEMBAHAGIAN/JENIS2):**<br>- 3 Adhrubul Khobar:<br>1) **Khobar Ibtida–i**<br>- Berita ini disampaikan kepada orang yang masih polos (kholi dzihni) belum menerima berita apa pun. Jadi, pembicara menyampaikan berita **TANPA** menyertakan kata penguat/penekanan/penegasan (adawat taukid). Contohnya: ((Zaid telah berdiri, Umar telah keluar, Muhammad telah bermusafir, Muhammad seorang yg sopan, Said seorang yg berani, Mahmud seorang yg mulia)) dan seterusnya. Jadi, audien tidak menampakkan keraguan ataupun pengingkaran terhadap apa yang dikatakan oleh pembicara bahkan audien tidak mempunyai maklumat berkaitan apa yg dikatakan. Maka, utk situasi itu (khobar ibtida-i), balaghah adalah bertepatan kata2 dgn konteks & situasi keadaan – kata2 itu **TIDAK PERLU** disertakan dgn kata penguat (taukid).<br>- Dan ia dinamakan Khobar Ibtida-i kerana pembicara menyampaikan berita yang belum diketahui oleh audien.<br>2) **Khobar Tholabi**<br>- Audien menampakkan keraguan terhadap berita yang disampaikan oleh pembicara, jadi kata2 itu perlu disertakan dgn **SATU** kata penguat/penegasan (taukid), untuk membuang keraguan audien dan meyakinkannya. Contohnya: ((**Sesungguhnya** Zaid telah berdiri, | **٦. أضرب الخبر**<br>– أضرب الخبر الثلاثة:<br>**١) الضرب الابتدائي**<br>– وهو أن يكون المخاطب **خالي الذهن** من مضمون الكلام الذي يلقيه عليه المتكلم، وهذا يقتضي من المتكلم أن يورد كلامه للمخاطب **خاليًا من أي أداة من أدوات التوكيد**. مثل: ((قام زيد، خرج عمرو، سافر محمد، محمد مُهَذَّب، سعيد شجاع، محمود كريم)) وهلم جرا. فالمخاطب في هذه الجمل الخبرية لم يكن شاكًّا ولا منكرًا لمضمونها بل هو جاهل بمعانيها فابتدأه المتكلم بهذا المضمون، فاقتضى ذلك–والبلاغة هي مطابقة الكلام لمقتضى الحال–أن يأتي الكلام **خاليًا من التوكيد.**<br>– وسمي هذا الضرب ابتدائيًا؛ لأن المتكلم ابتدأ المخاطب بحكم لم يكن على علم مسبق به.<br><br>**٢) الضرب الطلبي**<br>– وهو أن يكون المخاطب **مترددًا أو شاكًّا** في مضمون الكلام الذي يلقيه عليه المتكلم ، وهذا يقتضي من المتكلم أن يؤكد له الكلام **بمؤكد واحد**؛ لينزع |

| | |
|---|---|
| **Sesungguhnya** Umar telah keluar, **Sesungguhnya** Muhammad seorang yg sopan, **Sesungguhnya** Said seorang yg berani)) dan seterusnya.<br>- Dan dinamakan Khobar Tholabi kerana ada keraguan pada audien terhadap berita yang disampaikan dan audien memerlukan penerangan daripada pembicara untuk mencabut rasa keraguan itu, maka kata penguat (adawat taukid) diperlukan untuk meyakinkan audien dan menguatkan berita yang disampaikan.<br>3) **Khobar Inkari**<br>- Audien menampakkan penolakan serta pengingkaran terhadap apa yang diutarakan oleh pembicara, mendustakannya, berpegang kepada yg sebaliknya, jadi kata2 itu perlu disertakan dgn **LEBIH DARI SATU** (**2 keatas**) kata penguat/penegasan (taukid) mengikut tahap pengingkaran audien, untuk membuang penolakan audien. Contohnya: ((**Sesungguhnya** Zaid **betul2** telah berdiri, **Sesungguhnya** Umar **betul2** telah keluar, **Sesungguhnya** Muhammad **betul2** telah bermusafir, **Sesungguhnya** Muhammad **betul2** seorang yg sopan, **Sesungguhnya** Said **betul2** seorang yg berani)) dan seterusnya.<br>- Dan dinamakan Khobar Inkari kerana ada pengingkaran dan penolakan daripada audien terhadap berita yang disampaikan. | عنه هذا الشك والتردد، مثل: ((**قد** قام زيد، **قد** خرج عمرو، **إن** محمدًا مهذب، **إن** سعيدًا شجاع)) وهلم جرا.<br>– وسمي طلبيًا؛ لأن المخاطب لما كان شاكا أو متردّدا كأنه طلب بلسان الحال من المتكلم أن ينزع عنه هذا الشك والتردد، فاقتضى هذا الحال **تأكيد** الكلام الملقى إليه تقوية للحكم؛ ليتمكن المعنى من نفسه، ويطرح الشك وراء ظهره.<br><br>**٣) الضرب الإنكاري**<br>– وهو أن يكون المخاطب **منكرا** لمضمون الكلام الذي يلقيه عليه المتكلم، مكذبا له، معتقدًا خلافه، وهذا يقتضي من المتكلم أن يؤكد له الكلام **بأكثر من مؤكد** على حسب درجة الإنكار قوة وضعفًا؛ لينزع عنه هذا الإنكار، مثل: (( **لقد** قام زيد، **لقد** خرج عمرو، **لقد** سافر محمد، **إن** محمدًا لمهذب، **إن** سعيدًا لشجاع)) وهلم جرا.<br>– وسمي الخبر إنكاريًا؛ لأن المخاطب كان منكرًا مكذبًا فسمي هذا الضرب بما عليه حال المخاطب. |